

NO. SOALAN : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI MOHAMED AZMIN ALI
[GOMBAK]

TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)

Datuk Seri Mohamed Azmin Ali [GOMBAK] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan punca kegagalan Felda Global Ventures yang mengakibatkan nilai sahamnya jatuh hampir 70%.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGV bukanlah syarikat yang gagal seperti didakwa kerana sejak penubuhannya pada 2012, syarikat berkenaan tidak pernah mencatatkan kerugian tahunan dan juga tidak pernah gagal memberi dividen kepada pemegang sahamnya. Perolehan FGV juga meningkat setiap tahun sejak 2012 namun mencatatkan penurunan keuntungan disebabkan beberapa faktor seperti proses tanam semula secara agresif berikutan profil umur pokok yang tua, faktor cuaca dan juga ketidaktentuan harga minyak sawit mentah dunia.

Proses tanam semula (15,000 hektar setahun) perlu dilakukan walaupun FGV berdepan dengan kerugian lebih RM350 juta setahun termasuk kos-kos sepanjang tempoh pokok untuk matang. Pada tahun 2016, purata profil umur pokok FGV adalah 15.9 tahun dan 14.5 tahun untuk tahun 2017. Menjelang tahun 2020, dianggarkan purata profil umur pokok diantara 12 ke 13 tahun dan penurunan pokok tua daripada 40% ke 25%.

Bermula tahun ini, FGV dijangka mula menerima impak peningkatan hasil kira-kira 600,000 metrik tan Buah Tandan Segar (BTS) dan ini dijangka memberi impak positif kepada prestasi kewangan FGV. FGV menjangkakan pertumbuhan positif ini akan berterusan dengan jangkaan kenaikan purata pengeluaran BTS adalah sebanyak 10 - 12% setahun sehingga tahun 2020.

Selain itu, FGV juga telah melancarkan Pelan Strategik 2020 (SP20) pada awal tahun ini yang fokus kepada peniagaan terasannya iaitu perladangan, mengukuhkan kewangan, mengurangkan kos, meningkatkan tadbir urus korporat yang baik dan menambah nilai kepada pemegang-pemegang saham. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan harga saham FGV menjadi tidak menentu antaranya adalah faktor prestasi kewangan, harga MSM dunia, cuaca dan juga sentimen pasaran. Namun, melalui usaha yang telah diambil ini, FGV prestasi kewangan FGV dijangka akan pulih secara berperingkat sekali gus memberi kesan kepada pergerakan saham FGV pada masa depan.

Sekian. Terima kasih.